

Fiqh Al-Watan dan Legitimasi Islam Tempatan: Satu Kerangka Dekolonisasi

Fiqh al-Watan and the Legitimisation of Local Islam: A Decolonial Framework

AZMAN YUSOF, IBRAHIM MAJDI MOHD KAMIL, AMRAN MUHAMMAD & RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan gagasan *fiqh al-watan* sebagai suatu kerangka pemikiran dan tindakan untuk memulihkan legitimasi Islam tempatan yang semakin terhakis akibat daripada kolonialisme, dominasi pemikiran transnasional dan krisis institusi warisan yang telah lama berakar dalam struktur masyarakat Islam di Nusantara. Melalui kaedah analisis literatur, artikel ini mengemukakan bahawa *fiqh al-watan* bukan sekadar pendekatan hukum lokal yang bersifat teknikal, tetapi merupakan suatu strategi dekolonisasi yang menyeluruh. Strategi ini meliputi pelbagai aspek penting termasuk epistemologi ilmu, kerangka perundangan, institusi keagamaan, dan sistem nilai yang menjadi asas kepada pembinaan semula identiti dan pemikiran Islam yang lebih kontekstual serta autentik. Cadangan pelaksanaan kerangka *fiqh al-watan* turut dibentangkan secara sistematik merangkumi tiga komponen utama, iaitu prinsip asas yang menjunjung maqasid syariah dan maslahat tempatan, struktur tindakan yang bersifat praktis dan responsif terhadap realiti semasa, serta langkah institusionalisasi bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan dalam jangka panjang. Pendekatan ini dirumuskan untuk menanggapi pelbagai cabaran kontemporari, termasuk ancaman ekstremisme agama, kecenderungan sekularisme radikal, dan krisis kepercayaan terhadap institusi keagamaan. Artikel ini menyarankan bahawa gagasan *fiqh al-watan* ini mampu menjadi jalan tengah antara ekstremisme dan sekularisme, sekali gus mengharmonikan tuntutan agama dan keperluan kenegaraan dalam kerangka nilai-nilai tempatan yang berpaksikan sejarah, budaya dan adab Islam di rantau ini. Pendekatan ini mampu memberikan asas yang kukuh bagi pembentukan dasar agama dan negara yang lebih berteraskan realiti masyarakat Islam Nusantara.

Kata kunci: *Fiqh al-Watan*; Dekolonisasi; Hukum Kanun Pahang; Maqasid; Kolonialisme

ABSTRACT

This article discusses the idea of *fiqh al-watan* as a framework of thought and action to restore the legitimacy of local Islam which has been increasingly eroded as a result of colonialism, the dominance of transnational thought and the crisis of legacy institutions that have long been rooted in the structure of Islamic society in the archipelago. Through the method of literature analysis, this article proposes that *fiqh al-watan* is not just a technical local legal approach but is a comprehensive decolonization strategy. This strategy covers various important aspects including the epistemology of knowledge, legal framework, religious institutions, and value systems that form the basis for the reconstruction of a more contextual and authentic Islamic identity and thought. The proposal for the implementation of the *fiqh al-watan* framework is also presented systematically, comprising three main components, namely the basic principles that uphold the maqasid syariah and local maslahat, a structure of action that is pragmatic and responsive to current realities, and institutionalization measures to ensure continuity and effectiveness in the long term. This approach is formulated to respond to various contemporary challenges, including the threat of religious extremism, the tendency towards radical secularism, and a crisis of trust in religious institutions. This article suggests that the idea of *fiqh al-watan* can be a middle ground between extremism and secularism, thus harmonizing religious demands and state needs within a framework of local values that are centered on the history, culture, and Islamic manners in this region. This approach can provide a solid foundation for the formation of religious and state policies that are more based on the reality of the Islamic community of Nusantara.

Keywords: *Fiqh al-Watan*; Decolonization; Pahang Canon Law; Maqasid; Colonialism

PENGENALAN

Sejak era kolonial, pola pemikiran dan sistem pentadbiran Islam di Alam Melayu telah mengalami transformasi akibat pengaruh Barat. Dominasi epistemologi kolonial menyebabkan hukum Islam ditafsir secara sempit atau dipinggirkan, dan muncul pula pemikiran transnasional yang mempersoalkan kesahihan amalan Islam tempatan. Dalam konteks ini, konsep *fiqh al-watan* muncul sebagai satu pendekatan yang berpaksikan lokaliti, sejarah, dan budaya dalam menafsir serta melaksanakan hukum Syariah.

ASAL-USUL, PERKEMBANGAN DAN SUMBER TEORITIS *FIQH AL-WATAN*

ASAL-USUL KONSEP *FIQH AL-WATAN*

Walaupun istilah *Fiqh al-Watan* masih belum popular dalam wacana klasik Islam, asas kepada pendekatan ini telah wujud sejak zaman awal Islam melalui ijtihad berdasarkan *tahqīq al-manāṭ*, *masalah mursalah*, dan *urf sahih*. Dalam konteks Alam Melayu, pendekatan ini telah digunakan secara praktikal dalam pelaksanaan undang-undang kesultanan, seperti Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Laut Melaka, serta sistem pentadbiran Islam di Perak, Terengganu dan Johor (Hooker 1986; Ibrahim 1993).

Konsep ini kemudiannya berkembang secara tidak formal apabila ulama dan pemerintah Islam tempatan menggubal undang-undang dengan mengharmonikan prinsip syariah dan adat Melayu serta realiti sosial. Contohnya, Hukum Kanun Pahang adalah gabungan *fiqh Syafi'i* dengan adat raja-raja Melayu ke dalam satu kod perundangan

yang digunakan secara rasmi untuk mentadbir negeri secara Islamik (Ahmad Farid 2022).

Fiqh al-Watan lahir daripada kesedaran bahawa pelaksanaan syariah perlu mengambil kira konteks sejarah, geografi, *urf* masyarakat, serta sistem politik dan institusi sedia ada. Dengan kata lain, ia adalah suatu pendekatan yang selari dengan *maqāṣid* dan *siyasah syar'iyah* (Jamalluddin 2014).

PERKEMBANGAN KONTEMPORARI DAN MOTIVASI PEMBAHARUAN

Kemunculan semula *fiqh al-watan* dalam wacana kontemporari didorong oleh dua faktor utama:

1. Reaksi terhadap warisan kolonialisme, yang telah memisahkan hukum Islam daripada sistem pentadbiran dan perundangan negara moden;
2. Penolakan terhadap dominasi ideologi luar (seperti salafisme literal dan harakisme politik) yang sering meremehkan amalan Islam tempatan sebagai tidak autentik atau bidaah.

Fiqh al-watan kini muncul sebagai satu pendekatan reformasi (*islahiyyah*) yang menekankan bahawa Islam dapat hidup, berkembang dan ditegakkan dalam acuan lokal selagi mana prinsip utama syariah dijaga dan maslahat umat dipelihara.

Usaha memartabatkan *fiqh al-watan* dilihat semakin kritikal dalam menangani isu seperti:

1. Keraguan terhadap kesahihan sistem Raja Berperlembagaan dalam Islam.
2. Penghakiman terhadap ulama tempatan yang tidak mengikut arus salafi atau haraki.
3. Peminggiran warisan hukum seperti Hukum Kanun Pahang yang sebenarnya membuktikan kedaulatan Islam di Alam Melayu sebelum penjajahan (Wan Ahmad Fauzi 2023).

SUMBER TEORITIS DAN DALIL *USULI*

JADUAL 1. *Fiqh al-watan* berpijak pada kerangka teoritis Islam yang kukuh

Sumber	Peranan dalam <i>fiqh al-watan</i>
<i>Maqāṣid al-Syarī 'ah</i>	Memberi asas pemikiran keutamaan (<i>priority-setting</i>) dalam pelaksanaan hukum. Melindungi agama, nyawa, maruah, harta dan akal dalam konteks tempatan (Kamali 2008).
<i>Siyasah Syar'iyah</i>	Membolehkan autoriti tempatan seperti sultan atau pemerintah menggubal dasar agama berdasarkan keperluan masyarakat lokal.
<i>Urf Sahih</i>	Diterima sebagai sumber hukum kedua selagi tidak bercanggah dengan nas syarie. Menjadi tunjang dalam amalan adat Melayu-Islam
<i>Tahqīq al-Manāṭ</i>	Kaedah penilaian konteks sosial, sejarah, budaya dan politik sebelum menjatuhkan hukum tertentu. Kaedah ini menjadikan <i>fiqh</i> tidak beku dan tidak universal secara buta (Kamali 2010).
<i>Fiqh Realiti (Fiqh al-Waqi')</i>	Menekankan keperluan memahami latar sosial semasa dan bukan mengimport hukum dari konteks asing. <i>Fiqh</i> ini penting dalam menilai keabsahan sistem lokal berbanding idealisasi sistem asing.

JADUAL 2. Perbezaan dengan Pendekatan Salafi dan Haraki

DIMENSI	FIQH AL-WATAN	SALAFI LITERAL	HARAKI JIHADI/PARTISAN
Asas ijtihad	<i>Urf, maqāṣid, siyasah</i>	Nas literal, <i>athar</i>	Ideologi politik, revolusi
Pandangan terhadap adat Melayu	Diterima dan disaring oleh syariah	Ditolak sebagai bidaah	Tidak dianggap penting
Pendekatan terhadap pemerintah	<i>Ta'awun</i> dan islah secara <i>wasatiyyah</i>	Menolak jika tidak salafi	Mengkafir dan memberontak
Sumber legitimasi	Hukum tempatan, ulama pondok, Sejarah kesultanan	Syeikh Timur Tengah, fatwa Arab	Pemimpin ideologi gerakan

KEDUDUKAN *FIQH AL-WATAN* DALAM TRADISI *USUL AL-FIQH*

Bagi Mohd Anuar Ramli (2006) *Fiqh al-watan* bukan ciptaan baru atau aliran alternatif, tetapi merupakan pengukuhan kepada ruh ijtihad Islam yang berpaksikan kepada:

1. *Al-fiqh al-mu'tamad 'ala al-waqi'*: kefahaman hukum berdasarkan realiti;
2. *Al-fiqh al-murattab 'ala maqāṣid*: kefahaman hukum yang memelihara tujuan syarak;
3. *Al-fiqh al-mutasahil bi al-urf*: fiqh yang bersifat rahmah kepada budaya setempat.

Dengan itu, *fiqh al-watan* perlu diiktiraf sebagai satu 'madrasah ijtihad' yang sah, berdasarkan *turāth* klasik dan perlu diinstitusikan semula dalam sistem pendidikan dan fatwa negara.

KOLONIALISME, SALAFISME, HARAKI-HIZBI DAN SALAFI JIHAD: KRISIS LEGITIMASI ISLAM TEMPATAN DI ALAM MELAYU DAN PAHANG

KOLONIALISME DAN PENYINGKIRAN SISTEM ISLAM TRADISIONAL

Kolonialisme British di Tanah Melayu bukan sahaja menakluki wilayah politik, malah merombak sistem nilai dan institusi Islam secara sistematik. Sistem undang-undang Barat diperkenalkan bagi menggantikan hukum syarak sebagai undang-undang tertinggi negara. Institusi raja-raja Melayu dilucutkan kuasa legislatif Islam, dan mahkamah syariah dihadkan kepada urusan peribadi seperti nikah dan faraid sahaja (Ibrahim 1993).

Penjajah juga memperkenalkan naratif bahawa amalan Islam tempatan yang sarat dengan unsur adat, kesultanan dan tarekat tidak autentik, bahkan dianggap sebagai penghalang kemajuan. Mereka mempromosikan orientalisme melalui institusi pendidikan, muzium kolonial, dan arkib, yang

menyajikan imej Islam Melayu sebagai budaya tempatan yang bercampur-aduk dengan unsur bukan Islam dan harus dimodenkan (Al-Attas 1978; Said 1979).

SALAFISME: PENOLAKAN TERHADAP TRADISI DAN ADAT MELAYU-ISLAM

Selepas penjajahan, gerakan Salafi muncul sebagai arus tandingan, tetapi dalam bentuk yang turut menolak legitimasi Islam tempatan. Salafisme yang berpaksikan pendekatan literal terhadap nas (al-Qur'an dan Hadis) sering memperlekehkan amalan yang berakar dalam adat dan sejarah tempatan, seperti bacaan tahlil, kenduri arwah, zikir berjemaah, dan kebergantungan kepada guru-guru tarekat (Ibrahim 1994).

Gerakan ini meletakkan Islam yang sahih sebagai apa yang diamalkan di Arab Saudi dan menolak sebarang bentuk lokaliti. Mereka menolak kod undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang kerana mengandungi adat, dan menuduhnya sebagai sisa jahiliah. Dalam konteks Pahang, pendekatan ini secara tidak langsung menafikan sumbangan Islam yang kaya dari segi sejarahnya seperti peranan kesultanan, ulama pondok, dan struktur Syariah negeri yang sebenarnya telah dibangunkan sejak abad ke-15 lagi sebagai sebahagian dari *Dar al-Islam* (Azyumardi 1999).

HARAKI-HIZBI: ISLAMISASI RADIKAL DAN PENGHAKIMAN TERHADAP PEMERINTAH TEMPATAN

Sebahagian kelompok haraki (gerakan politik Islam yang berideologi kepartian) membawa naratif bahawa sistem perundangan Islam di Malaysia, termasuk di negeri Pahang, adalah sekular dan tidak sah (Rahimin Affandi 2003). Mereka memperjuangkan model negara Islam secara total, berasaskan sistem pemerintahan ala Ikhwan Muslimin atau Khilafah, dan sering menggambarkan pemerintah tempatan sebagai pengkhianat kepada

Islam kerana tidak mengamalkan hudud secara menyeluruh (Mohamad Abu Bakar 2001; Rahimin Affandi 2007).

Kesan utama naratif ini ialah penghakiman terhadap warisan sejarah Islam Melayu dan penolakan terhadap proses Islamisasi yang bersifat bertahap dan berakar dari dalam. Di Pahang misalnya, peranan Sultan sebagai ketua agama, institusi fatwa negeri, dan amalan fiqh Syafi'i yang berasaskan *urf* dianggap sebagai tidak cukup Islamik.

ANCAMAN SALAFI-JIHADI: EKSTREMISME ATAS NAMA AGAMA

Lebih membimbangkan ialah munculnya bibit-bibit aliran Salafi-Jihadi yang melampau, iaitu cabang keras daripada aliran salafi yang menganggap bahawa *revolusi bersenjata atau jihad fizikal* merupakan satu-satunya jalan untuk menegakkan negara Islam. Aliran ini menolak pendekatan gradual (beransur-ansur), dakwah, atau islah melalui institusi sedia ada dan sebaliknya menyebarkan ideologi takfiri serta jihad revolusioner (Zulkarnain 2013).

Di Malaysia, unsur-unsur aliran ini telah dikenal pasti dalam kes Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), sebuah gerakan bawah tanah yang pada awal 2000-an terlibat dalam aktiviti keganasan dan cubaan menggulingkan kerajaan secara kekerasan. Lebih membimbangkan, hasil siasatan pihak keselamatan mendapati bahawa KMM mempunyai hubungan ideologi dan logistik yang rapat dengan Jemaah Islamiyyah (JI) kumpulan pengganas yang bertanggungjawab terhadap pengeboman Bali pada tahun 2002 (Mohd Mizan 2009).

Gerakan seperti ini bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam *wasatiyyah* dan *fiqh al-muwāzanah* tetapi turut mengancam kestabilan institusi Islam tradisional di Malaysia seperti Majlis Fatwa Kebangsaan, institusi Raja, dan sistem undang-undang syariah negeri. Mereka melihat sistem Islam tempatan sebagai kufur, pemerintah sebagai thagut (zalim) dan hanya jihad bersenjata sahaja sebagai solusi (Muhd Imran 2017).

Pandangan yang ekstrem ini juga menyamai pendekatan pemikiran revolusi haraki, tetapi dengan justifikasi bersenjata yang lebih keras, seperti yang

dilihat dalam ideologi al-Qaeda dan Daesh yang menjadikan konsep negara Islam sebagai satu-satunya ukuran iman, dan mengkafirkan mana-mana sistem lain yang bersifat lokal, berperlembagaan atau bertahap (Azyumardi 2003).

IMPLIKASI TERHADAP CITRA ISLAM MELAYU-PAHANG

Gabungan pengaruh penjajahan, Salafisme literal, dan ideologi haraki-hizbi telah mengakibatkan:

1. Merosotnya keyakinan terhadap keabsahan warisan fiqh Melayu seperti Hukum Kanun Pahang, hukum adat yang berdasarkan kaedah dalam Mazhab Syafi'i, dan institusi Raja;
2. Pemutusan memori sejarah dengan menolak naratif bahawa negeri-negeri Melayu telah lama mengamalkan syariah secara sah;
3. Penyingkiran epistemologi lokal yang melihat Islam sebagai sebahagian daripada peradaban dan bukan sekadar sistem politik atau peraturan jenayah.

Akibatnya, Islam di Pahang dan Alam Melayu digambarkan seolah-olah sebagai Islam *kelas kedua* yang perlu diperbetulkan melalui agenda luar. Kewujudan kelompok seperti KMM menandakan bahawa jika tidak ditangani secara bijaksana, aliran keras ini boleh menghakis kepercayaan umat kepada keabsahan fiqh lokal, mendorong mereka kepada tindakan yang ekstrem, serta meruntuhkan tradisi Islam yang harmoni dan bertamadun di Alam Melayu (Azyumardi 2003).

ANALISIS KRITIS

Fenomena ini menunjukkan betapa pentingnya konsep *fiqh al-watan* sebagai benteng pemikiran yang mengangkat martabat Islam tempatan. Ia menawarkan pendekatan yang seimbang, kontekstual, dan bersifat *islah*, berbanding pendekatan eksklusif dan penghakiman yang dibawa oleh kolonialisme dan gerakan salafi-haraki. Di sinilah dekolonisasi menjadi keperluan epistemik dan bukan sekadar retorik sejarah.

JADUAL 3. Matrik pengaruh kolonial–salafi–haraki–salafi jihadi terhadap Islam tempatan

Aspek	Kolonialisme barat	Salafisme transnasional	Haraki-hizbi	Salafi jihadi (ekstrem)
Pandangan terhadap Islam Tempatan	Islam Melayu dianggap bercampur-aduk dengan adat dan perlu digantikan dengan sistem Barat sekular	Islam tempatan dianggap penuh bidaah dan khurafat kerana tidak selari dengan amalan salaf	Islam Melayu dianggap tidak sah kerana tidak menegakkan negara Islam sepenuhnya	Islam tempatan dianggap kufur dan pemerintahnya thāghūt jika tidak mendirikan negara Islam secara mutlak
Sikap terhadap Institusi Raja dan Mufti	Dirombak fungsinya dan dikekang kuasanya oleh penjajah	Dianggap tidak sah atau lemah kerana tidak menepati piawaian salaf	Dianggap tunduk kepada sistem kufur sekular	Dianggap musuh syarie dan layak diperangi jika menyekat perjuangan jihad bersenjata
Hukum Islam Lokal (Hukum Kanun Pahang dan lain-lain)	Dilihat sebagai undang-undang adat yang tidak sah, lalu diganti undang-undang sivil Barat	Ditolak kerana menggabungkan adat dan tidak 100% salaf	Ditolak kerana tidak melaksanakan hudud dan qisas sepenuhnya	Dilabel sebagai hukum kufur yang wajib digulingkan melalui jihad
Adat dan Budaya Melayu-Islam	Diperlekeh sebagai tidak rasional, penghalang kemajuan	Dikecam sebagai khurafat dan bidaah	Dianggap beban feodalistik yang tidak membantu agenda politik Islam	Dianggap sumber kesesatan umat dan bukti jahiliah yang perlu dihapuskan
Modus Operandi	Sistem pendidikan kolonial, undang-undang sivil, orientalisme	Dakwah literalis, institusi pendidikan, penerbitan dan NGO	Politik kepartian, penghakiman sosial, retorik negara Islam	Jihad bersenjata, doktrin takfiri, jaringan bawah tanah
Contoh Sejarah di Malaysia	British – sekularisasi undang-undang dan pendidikan	Aliran salafi dalam NGO dan masjid bandar	Parti-parti Islam berideologi revolusi	Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), dikaitkan dengan Jemaah Islamiyyah dan bom Bali
Kesan terhadap Islam Tempatan	Hilangnya keyakinan terhadap sejarah dan legitimasi Islam lokal	Peminggiran tarekat, adat, dan institusi Islam tradisional	Polarisasi politik umat Islam	Ancaman keselamatan negara dan radikalisasi generasi muda
Cadangan Balas	<i>Fiqh al-Watan</i> : Dekolonisasi, pemulihan identiti Islam lokal, dan pembinaan naratif <i>wasatiyyah</i>			

FIQH AL-WATAN SEBAGAI KERANGKA DEKOLONISASI

Fiqh al-Watan merupakan pendekatan hukum Islam yang tidak hanya bersifat lokal, tetapi juga berfungsi sebagai satu kerangka dekolonisasi menyeluruh. Ia bukan sahaja merujuk kepada keperluan menyesuaikan hukum dengan *urf* (adat) dan realiti setempat, tetapi juga merangkumi pembinaan semula epistemologi, institusi, sistem nilai dan strategi negara berdasarkan acuan Islam tempatan yang sah. Dalam konteks Malaysia pascakolonial, *fiqh al-watan* dapat difahami sebagai respons terhadap tiga bentuk penjajahan utama: penjajahan politik melalui pewarisan sistem pentadbiran kolonial, penjajahan pemikiran melalui orientalisme dan salafisme transnasional serta penjajahan agenda melalui gerakan haraki dan ekstremisme ideologi asing.

Fiqh al-watan tidak menolak Islam sejagat, sebaliknya ia menegaskan bahawa pelaksanaan Islam mestilah selari dengan *maqāsid syariah* dan mengambil kira realiti sosial, budaya dan institusi umat. Dalam hal ini, pendekatan *fiqh al-watan* menjadi alternatif yang lebih stabil dan lestari berbanding pendekatan import yang cenderung meminggirkan tradisi setempat dan meretakkan struktur masyarakat.

DEKOLONISASI EPISTEMOLOGI

Aspek pertama dalam dekolonisasi fiqh adalah pemulihan epistemologi hukum Islam yang telah dilemahkan oleh sistem pendidikan dan perundangan Barat sejak era penjajahan. Proses kolonialisme telah menggantikan autoriti keilmuan tradisional seperti madrasah pondok, fatwa tempatan, dan kod undang-undang Islam negeri dengan sistem nilai Barat yang

sekular yang meremehkan fiqh tempatan sebagai hanya adat atau tradisi kampung. Hukum Kanun Pahang, sebagai contoh, bukan sahaja disingkirkan daripada kurikulum pendidikan, malah tidak lagi dianggap sebagai sumber hukum sah (Rahimin Affandi 2006).

Fiqh al-watan berusaha mengembalikan keabsahan *turāth* lokal sebagai sumber rujukan sah dan penting dalam proses ijtihad kontemporari. Ini melibatkan penulisan semula naratif sejarah hukum Islam tempatan yang telah dimarjinalkan, serta pembentukan semula wacana ijtihad yang berasaskan kepada prinsip *maqāṣid*, *siyasah syar'iyah* dan realiti setempat. Keberanian untuk mengangkat *urf sahih* sebagai sebahagian daripada sistem hukum adalah langkah penting dalam dekolonisasi pemikiran dan ilmu.

DEKOLONISASI INSTITUSI ISLAM

Dekolonisasi juga melibatkan pemulihan institusi-institusi Islam lokal yang telah dilemahkan oleh penjajahan serta ditolak oleh aliran salafi dan haraki. Institusi seperti istana, mahkamah syariah negeri dan Majlis Fatwa Negeri pernah berfungsi sebagai teras pelaksanaan hukum Islam di rantau ini sejak abad ke-15. Namun begitu, selepas penjajahan, peranan institusi ini sama ada dikesilkan, digantikan atau dipersoalkan kesahihannya oleh kelompok Islam import yang menganggapnya tidak menepati hukum syarak.

Fiqh al-watan menegaskan bahawa institusi tersebut bukan sahaja sah dari sudut *siyasah syar'iyah*, malah amat penting dalam memastikan kestabilan sosial dan integriti hukum Islam yang sesuai dengan sejarah umat. Dalam konteks negeri Pahang, misalnya, istana dan sistem kehakiman Islam telah berperanan besar dalam menegakkan syariah sejak zaman kesultanan (Mohd Ikhlas 2015). Maka, dekolonisasi tidak boleh hanya berlegar dalam ruang ilmu, tetapi mesti turut memulihkan autoriti institusi warisan Islam.

DEKOLONISASI NILAI DAN SISTEM ADAB

Fiqh al-Watan turut menekankan pemulihan nilai-nilai Islam yang bersifat lembut, seimbang dan menghormati hierarki ilmu serta tradisi. Nilai seperti adab terhadap ilmu, hikmah dalam dakwah, dan wasatiyyah dalam pelaksanaan hukum merupakan ciri utama Islam di Alam Melayu, tetapi nilai-nilai ini sering terhapus dalam sistem pendidikan kolonial yang menekankan rasionalisme kaku atau dalam

pendekatan salafi-jihadi yang bersifat konfrontatif dan takfiri.

Dekolonisasi nilai ini bermakna Islam tempatan tidak harus dinilai berdasarkan piawaian luar yang asing daripada konteks sejarah dan budaya. Sebaliknya, perlu ada pengiktirafan terhadap tarekat, ulama pondok dan sistem fatwa negeri yang selama ini telah mengasuh masyarakat dengan penuh hikmah dan adab (Mohammad Redzuan 1998). Pendekatan ini jauh lebih lestari berbanding retorik keras yang menjadikan pemberontakan, pengkafiran dan penolakan institusi sebagai jalan dakwah.

DEKOLONISASI STRATEGI PEMBINAAN NEGARA DAN IDENTITI

Fiqh al-watan juga menyumbang kepada pembentukan kerangka negara bangsa yang sah dan stabil dari perspektif Islam. Ini melibatkan penerimaan sistem Raja Berperlembagaan sebagai sistem *siyasah syar'iyah* yang sah, perlembagaan negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, serta pemerkasaan undang-undang syariah negeri yang berakar daripada fiqh Syafi'i dan adat Islamik.

Ini bertentangan dengan model revolusi Islam ala Khilafah atau Ikhwan Muslimin yang menolak struktur sedia ada dan memaksa satu sistem baru yang asing daripada *urf politik* tempatan. Pendekatan *fiqh al-watan* lebih menghargai pendekatan islah (reformasi berperingkat) dan *tadarruj* (transformasi secara hikmah), yang menekankan perubahan dengan menggabungkan *maqāṣid* dan kestabilan sosial sebagai matlamat utama.

PERANAN DALAM UNDANG-UNDANG, PENDIDIKAN DAN NARATIF BUDAYA

Fiqh al-watan mempunyai potensi besar untuk memperbaharui undang-undang syariah, sistem pendidikan dan naratif budaya negara. Dalam bidang undang-undang, *fiqh al-watan* mendorong penggubalan kod syariah negeri yang bukan sahaja berpandukan nas dan fiqh Syafi'i, tetapi juga berdasarkan sejarah tempatan dan *maqāṣid* lokal. Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang 99 Perak dan Undang-Undang Tertib Raja-Raja boleh dikodifikasikan semula sebagai model perundangan berwibawa (Ahmad Farid 2022).

Dalam bidang pendidikan, *fiqh al-watan* membuka ruang kepada penghasilan kurikulum Islam yang lebih bersifat watan-centric yang tidak hanya menghafal sejarah fiqh dari Timur Tengah,

tetapi juga memahami peranan para ulama tempatan dan proses Islamisasi hukum di negeri-negeri Melayu.

Akhir sekali, dalam bidang naratif budaya dan sosial, *fiqh al-watan* dapat memperbetulkan

persepsi bahawa Islam di Alam Melayu hanyalah bentuk Islam pinggiran. Ia membina semula naratif bahawa Islam di rantau ini adalah sah, berdaulat dan memiliki legitimasi yang panjang baik dari sudut sejarah mahupun fiqh.

JADUAL 3. Komponen praktikal *fiqh al-watan* dalam sistem perundangan negeri

Komponen <i>fiqh al-watan</i>	Aplikasi dalam sistem perundangan negeri	Huraian praktikal
1. <i>Urf</i> dan Adat	Digunapakai dalam pewarisan, nikah, wakaf, dan lain-lain.	<i>Urf</i> Melayu dijadikan asas hukum selagi tidak bercanggah dengan syariah (rujuk Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri)
2. <i>Siyasah Syar'iyah</i>	Kuasa raja dan majlis agama negeri dalam tadbir urus Islam	Raja sebagai ketua agama mengangkat fatwa dan pelantikan hakim syarie
3. <i>Maqasid al-Syari'ah</i>	Dasar pembangunan undang-undang negeri	Perlindungan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan diberi keutamaan dalam penggubalan undang-undang syariah negeri
4. Ijtihad Tempatan	Fatwa negeri berdasarkan konteks lokal	Majlis Fatwa Negeri berperanan aktif tanpa perlu tunduk kepada fatwa luar negara
5. Kod Undang-Undang Tempatan	Pengiktirafan kepada sejarah hukum seperti Hukum Kanun Pahang	Digunakan sebagai asas rujukan kepada nilai sejarah, bukan diganti sepenuhnya dengan undang-undang Barat
6. Institusi Tradisional Islam	Pondok, madrasah, tarekat, dan istana diberi pengiktirafan	Disegerakan program pewartaan dan integrasi dengan kurikulum arus perdana
7. Penolakan Takfirisme	Penapisan ajaran ekstrem dalam undang-undang jenayah syariah negeri	Tindakan terhadap ajaran yang mengkafirkan sesama Muslim dan menyeru kepada pemberontakan

CABARAN DAN POTENSI *FIQH AL-WATAN*

Fiqh al-Watan sebagai kerangka ijtihad Islam yang berpaksikan konteks lokal, bukanlah pendekatan yang bebas daripada rintangan. Dalam usaha membina semula legitimasi Islam tempatan yang berakar dalam sejarah dan budaya Melayu-Islam, pelbagai cabaran perlu ditangani secara tuntas dan strategik. Walau bagaimanapun, dalam cabaran tersebut terselit potensi besar yang dapat dimanfaatkan bagi menjadikan *fiqh al-watan* sebagai asas kepada pembaharuan hukum, pembinaan negara, dan peneguhan identiti umat Islam di Malaysia.

CABARAN TERHADAP *FIQH AL-WATAN*

1. Warisan epistemologi kolonial dan sekular

Salah satu cabaran utama *fiqh al-watan* adalah warisan epistemologi yang dibentuk oleh penjajah. Kolonialisme bukan sahaja menggantikan struktur politik dan pentadbiran Islam, bahkan menanamkan sistem pemikiran sekular yang menganggap hukum Islam sebagai sistem perundangan yang telah usang,

tidak saintifik dan tidak layak untuk pentadbiran moden (Al-Attas 1978; Ibrahim 1993). Pandangan ini masih berakar dalam sistem pendidikan dan pentadbiran undang-undang, menyebabkan *fiqh al-watan* sering ditanggapi sebagai 'hukum adat' yang tidak berautoriti, berbanding model undang-undang Barat yang kononnya lebih "rasional" dan "profesional".

2. Dominasi wacana transnasional

Dalam perkembangan kontemporari pula, cabaran datang daripada pengaruh aliran Islam luar negara, khususnya salafisme literal dan gerakan politik haraki. Kedua-duanya menuntut agar rujukan Islam bersifat universal dan mutlak berdasarkan pandangan ulama Timur Tengah. Fiqh lokal seperti Hukum Kanun Pahang atau fatwa-fatwa negeri dianggap tidak sah kerana tidak bersumberkan model salaf atau doktrin negara Islam moden ala Ikhwan Muslimin. Dominasi ini menyebabkan umat Islam sendiri ragu terhadap sistem warisan yang telah terbukti berfungsi dalam konteks mereka sendiri.

3. Ketiadaan dokumentasi dan pemeraksanaan akademik

Fiqh al-watan masih kekurangan dokumentasi rasmi yang sistematik dan berskala akademik. Banyak sumber hukum tempatan yang penting seperti kitab pondok, catatan kadi, atau teks undang-undang kesultanan tidak ditranskripsikan, dikaji, atau diangkat ke dalam wacana ilmiah arus perdana. Universiti tempatan pula masih belum menjadikan *fiqh al-watan* sebagai bidang pengkhususan yang serius, menjadikannya kelihatan terpendil dari segi legitimasi ilmiah.

4. Kesan salafi jihadi dan radikalisme wacana

Lebih membimbangkan ialah kewujudan kumpulan Salafi-Jihadi yang ekstrem, seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiyyah (JI), yang menganggap sistem Islam tempatan sebagai kufur dan taghut. Mereka menolak struktur hukum tempatan dan menyeru kepada revolusi bersenjata atas nama penegakan negara Islam (Hussin 2007; ICG 2002). Ideologi ini telah merosakkan persepsi generasi muda terhadap *fiqh* tempatan, dan menjadikan mereka lebih cenderung kepada pendekatan keras dan takfiri.

5. Kurangnya sokongan institusi formal

Meskipun *fiqh al-watan* selari dengan *maqāṣid syariah* dan Perlembagaan Persekutuan, ia masih belum diangkat sebagai dasar rasmi oleh Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti atau institusi pendidikan Islam negara. Tiada pelan induk, kodifikasi atau modul latihan rasmi untuk menginstitusikan *fiqh al-watan*. Ketiadaan infrastruktur ini menyebabkan pendekatan ini kekal sebagai wacana pinggir dan tidak diberi keutamaan dalam pembinaan dasar.

POTENSI STRATEGIK FIQH AL-WATAN

1. Memulihkan legitimasi Islam tempatan

Fiqh al-watan berupaya memulihkan keyakinan umat Islam terhadap sistem hukum Islam yang telah lama berakar di tanah air mereka. Dengan menekankan bahawa hukum Islam boleh diharmonikan dengan sejarah, budaya dan realiti sosial tempatan, pendekatan ini membuktikan bahawa Islam bukan

hanya universal dari segi nilai, tetapi juga fleksibel dalam pelaksanaan.

2. Menyatukan tradisi dan reformasi

Salah satu kekuatan utama *fiqh al-watan* ialah kemampuannya menyatukan tradisi dengan reformasi. Ia tidak menolak *turāth* atau adat, tetapi mengkontekstualisasikannya dalam kerangka *maqāṣid*. Dalam masa yang sama, ia membuka ruang kepada pembaharuan hukum berasaskan maslahat dan hikmah tanpa mengabaikan sejarah. Oleh itu, *fiqh al-watan* boleh menjadi jambatan antara ulama tradisional dan sarjana pembaharu kontemporari, mewujudkan sinergi antara dua arus pemikiran.

3. Menyediakan alternatif kepada ekstremisme

Pendekatan *fiqh al-watan* yang berpaksikan hikmah dan *wasatiyyah* menjadikannya antitesis kepada gerakan takfiri dan revolusioner. Ia mendidik umat untuk memahami hukum Islam sebagai satu sistem pembinaan sosial, bukan alat politik atau tiket untuk melakukan pemberontakan. Dengan ini, *fiqh al-watan* berpotensi menjadi benteng pertahanan pemikiran terhadap penyebaran ideologi ekstremis di peringkat akar umbi (Kamali 2010).

4. Mendukung sistem negara bangsa (nation-state) Islam

Fiqh al-watan mengiktiraf realiti politik moden termasuk institusi Raja sebagai *ulil amri*, mahkamah syariah negeri, dan sistem perundangan berperlembagaan. Ia memberi justifikasi syarie kepada sistem negara bangsa Islam moden tanpa perlu mengimport model khilafah atau revolusi luar. Dalam konteks Malaysia, ini memberikan kestabilan politik dan ketulenan identiti kebangsaan.

5. Menjadi asas penyelidikan dan pembinaan dasar

Fiqh al-watan mempunyai nilai akademik yang luas dan boleh dikembangkan sebagai disiplin baru dalam bidang *fiqh*, sejarah hukum, antropologi Islam dan dasar awam. Ia boleh menjadi asas kepada kurikulum madrasah, silibus universiti, dan kerangka latihan pentadbiran syariah. Lebih daripada itu, ia berpotensi menjadi rujukan dalam pembentukan dasar negara beridentiti Islam lokal yang berdaulat.

CADANGAN KERANGKA *FIQH AL-WATAN* DALAM DEKOLONISASI

Dalam menghadapi cabaran pascakolonialisme, pengaruh pemikiran transnasional dan krisis legitimasi Islam tempatan, *fiqh al-watan* muncul sebagai satu kerangka strategik yang menawarkan pendekatan berakar, bertahap dan inklusif dalam merangka semula pentadbiran hukum Islam. Ia menekankan keperluan kepada sistem hukum yang tidak sahaja berpaksikan nas-nas al-Qur'an dan sunnah secara literal, tetapi juga mengiktiraf realiti lokal, *maqāsid*, serta tradisi warisan Melayu-Islam. Oleh itu, bagi menjadikan *fiqh al-watan* lebih terurus dan terinstitusi, satu kerangka pelaksanaan yang bersifat menyeluruh perlu digariskan.

PRINSIP ASAS KERANGKA *FIQH AL-WATAN*

Cadangan ini disusun berdasarkan empat prinsip utama yang membentuk asas teori dan operasi *fiqh al-watan*:

1. *Maqāsid al-Syarī'ah*: Prinsip ini menekankan keutamaan kepada pemeliharaan agama (*hifz al-dīn*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*) dengan mengambil kira konteks masyarakat lokal. Hukum-hukum yang digubal harus berorientasikan maslahat dan keperluan sebenar umat di negeri masing-masing.
2. *Siyasah Syar'iyah* Tempatan: Pemerintah Islam tempatan, termasuk institusi Raja dan Majlis Agama Negeri, diiktiraf sebagai autoriti sah untuk merangka dasar hukum berasaskan masalah dan *urf* negeri. Ini adalah alternatif kepada pendekatan luar yang meminggirkan autoriti politik Islam setempat.
3. Adab dan *Wasatiyyah*: *Fiqh al-watan* menolak pendekatan keras dan takfiri. Sebaliknya, ia menegaskan prinsip kesederhanaan, keadilan dan kesantunan dalam menyelesaikan isu hukum dan masyarakat. Ia menjadikan *adab terhadap ilmu, sejarah dan institusi* sebagai paksi utama dalam pemikiran hukum.
4. Ijtihad Kontekstual (*Fiqh Realiti*): Penyesuaian hukum dengan realiti tempatan melalui pendekatan *tahqīq al-manāt*, pengiktirafan terhadap *urf sahih*, dan kebijaksanaan ulama lokal merupakan ciri utama *fiqh al-watan*. Ini membuka ruang kepada pelaksanaan hukum yang praktikal, relevan dan diterima oleh masyarakat.

STRUKTUR PELAKSANAAN KERANGKA *FIQH AL-WATAN*

Cadangan ini melibatkan lima komponen utama yang membentuk struktur pelaksanaan *fiqh al-watan* secara sistematik dan bersepadu:

1. Epistemologi: Penyusunan semula naratif sejarah Islam tempatan dalam kurikulum sekolah, universiti dan fatwa negeri. Ini bertujuan membina semula keyakinan terhadap keabsahan Islam tempatan dan membebaskan umat daripada ketundukan terhadap naratif *fiqh* asing.
2. Perundangan: Penggubalan semula kod undang-undang syariah negeri yang berasaskan kepada *maqāsid*, *urf* dan sejarah tempatan. Contohnya, kodifikasi semula Hukum Kanun Pahang dan Undang-Undang 99 Perak boleh menjadi model undang-undang Islam negeri yang sah dan bermaruah.
3. Institusi: Pemeraksanaan pondok, madrasah, istana dan tarekat dalam struktur institusi keagamaan negeri sebagai pemilik tradisi keilmuan dan autoriti agama. Ini melibatkan penyatuan antara institusi warisan dan struktur rasmi agama negeri.
4. Pendidikan dan Latihan: Pembangunan modul latihan *fiqh al-watan* untuk pegawai syariah, guru agama dan penggubal dasar. Latihan ini akan mengukuhkan kefahaman mereka terhadap hukum lokal, *maqāsid* dan prinsip *siyasah syar'iyah* negeri.
5. Fatwa dan Kehakiman: Penyediaan kerangka ijtihad yang berasaskan *urf* negeri dan *maqāsid* dalam proses pengeluaran fatwa. Mahkamah syariah negeri juga perlu mengadaptasi *fiqh al-watan* dalam keputusan kehakiman agar ia selari dengan realiti sosial dan keperluan rakyat setempat.

LANGKAH INSTITUSIONALISASI

Untuk memastikan pelaksanaan *fiqh al-watan* dapat dijayakan secara sistemik dan menyeluruh, beberapa langkah institusionalisasi dicadangkan:

1. Penubuhan Institut Kajian *Fiqh al-Watan* Nasional (IKFiW) di bawah institusi seperti YADIM atau ILIM, sebagai pusat penyelidikan, dokumentasi dan latihan;
2. Pewartaan Piagam *Fiqh al-Watan* Negeri oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk menjadi rujukan dasar rasmi;

3. Pembentukan Majlis Fatwa Watan, sebuah badan khas yang menghimpunkan mufti, ulama pondok dan sarjana tempatan bagi menyemak dasar dan panduan fiqh negeri;
4. Penyemakan semula kurikulum sekolah agama dan madrasah negeri agar mengandungi sejarah dan warisan hukum Islam lokal;
5. Penerbitan dan penyusunan semula dokumen hukum warisan seperti Hukum Kanun Pahang dan Undang-Undang Negeri sebagai rujukan dasar negeri.

Fiqh al-watan bukan hanya kerangka hukum, tetapi merupakan asas kepada pemulihan jati diri umat dan pembentukan negara berasaskan identiti Islam tempatan. Dalam menghadapi tekanan pemikiran sekular, ekstrem dan transnasional, *fiqh al-watan* menawarkan jalan tengah yang seimbang berteraskan sejarah, keilmuan dan hikmah tanpa mengabaikan nilai universal Islam. Dengan pelaksanaan kerangka ini secara tersusun dan terarah, umat Islam di Malaysia berpotensi membina sistem hukum yang bukan sahaja sah dari segi syarak, tetapi juga relevan, bermaruah dan berakar dalam realiti tanah air mereka sendiri.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI STRATEGIK FIQH AL-WATAN

Fiqh al-Watan merupakan suatu kerangka pemikiran, ijtihad dan tindakan yang amat diperlukan dalam usaha membina kembali keabsahan Islam tempatan yang telah dicerobohi oleh warisan kolonialisme, disempitkan oleh salafisme transnasional, dan diganggu oleh arus ekstremisme haraki dan jihadi. Ia bukan sekadar pembelaan terhadap adat dan sejarah, tetapi pembinaan semula landasan hukum, institusi, dan naratif Islam yang berakar pada watan — iaitu realiti masyarakat setempat, sejarah kedaulatan Islam, dan keperluan syarak yang fleksibel terhadap konteks.

Fiqh al-Watan berjaya menyatukan antara prinsip *maqāṣid* dan *urf*, antara *siyasah* dan *wasatiyyah*, antara adab dan ijtihad, serta antara tradisi dan reformasi. Ia mampu membentuk dasar keagamaan dan perundangan yang tidak ekstrem, tidak dogmatik, dan tidak kehilangan akar sejarah. Dalam hal ini, pemulihan legitimasi Islam tempatan tidak boleh ditangguh kerana ia merupakan asas kepada kestabilan identiti, integriti institusi, dan kelangsungan dakwah.

IMPLIKASI STRATEGIK

1. Kepada kerajaan negeri dan majlis agama

Fiqh al-Watan harus dijadikan asas dalam pembentukan undang-undang syariah, perwartaan fatwa, pembangunan kurikulum madrasah negeri, dan penyusunan naratif Islam rasmi. Ia memerlukan dokumen dasar, manual profesional, dan latihan sistematik yang berpandukan sejarah dan *maqāṣid* negeri.

2. Kepada institusi pengajian tinggi

Fiqh al-Watan harus dijadikan medan baru dalam penyelidikan interdisiplin menggabungkan fiqh, sejarah, sosiologi, dan kajian pascakolonial. Ia memerlukan penubuhan pusat penyelidikan khusus, penerbitan karya akademik, dan pengintegrasian dalam silibus.

3. Kepada ulama dan pendakwah tempatan

Fiqh al-Watan memberi legitimasi kepada ulama pondok, guru tarekat, dan institusi fatwa negeri untuk menegaskan Islam berdasarkan warisan tempatan tanpa tunduk kepada dominasi luar. Ia harus dijadikan panduan dakwah yang berhikmah, harmoni dan kontekstual.

4. Kepada masyarakat umum

Pemahaman *fiqh al-watan* membantu umat Islam menghargai bahawa Islam tidak semestinya datang dari luar, tetapi boleh berakar dalam tanah sendiri dengan penuh sah dan sejahtera. Ia memperkukuh keyakinan umat terhadap sistem agama dan perundangan sedia ada, sekaligus menolak propaganda takfiri dan revolusi.

CADANGAN LANJUTAN

1. Pewartaan Piagam *Fiqh al-Watan* di peringkat Majlis Raja-Raja sebagai dasar tertinggi fiqh kontekstual di Malaysia.
2. Pembentukan Majlis Fatwa Watan Kebangsaan yang merumuskan prinsip fatwa negeri berdasarkan *maqāṣid* dan *siyasah syar'iyah* tempatan.
3. Penulisan semula naratif sejarah hukum Islam Melayu dalam bentuk buku teks, dokumentari dan siri media.

4. Pelaksanaan Audit Syariah Lokal ke atas semua dasar agama negeri untuk dinilai.
5. keberpaksian *fiqh al-watan* dalam sistem pentadbiran di semua peringkat.

Membina Islam tempatan bukan menolak Islam sejagat, tetapi meneguhkan akar untuk menjulang syariat dengan hikmah. Tanpa *fiqh al-watan*, kita akan terus bergantung kepada formula luar, yang belum tentu sesuai dengan realiti lokal. Menerusi *fiqh al-watan*, kita bukan sahaja berdiri di atas sejarah sendiri, malah mengatur masa depan dengan keyakinan, legitimasi dan keseimbangan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. 1992. *Gerakan Islam tradisional di Malaysia: Sejarah dan pemikiran – Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*. Kuala Lumpur: Penerbit Kintan.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Awang Azman Awang Pawi. 2022. Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara Kepentingan dan Kritikan Sarjana Kolonial. *Jurnal Melayu Sedunia* 5(1): 89–99.
- Al-Attas, S.M.N. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Azra, A. 1999. *Islam Reformis: Dinamika Intelektual dan Gerakan*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, hlm. 60–62.
- Azra, A. 1999. *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, hlm. 5–7.
- Azra, A. 2000. Bali and Southeast Asian Islam: Debunking the Myths. Dalam Kumar Ramakrishna & Seng Seng Tan (Pnyt.) *After Bali: The threat of terrorism in Southeast Asia* (hlm. 52). Singapore: Institute of Defence and Strategic Studies.
- Hooker, M.B. 1986. *Islamic Law in South-East Asia*. Oxford: Oxford University Press.
- Hussin, N. 2007. *Islam in Southeast Asia: Colonialism, Nationalism and Transnationalism*. Singapore: ISEAS.
- Hussin, N. 2007. The emergence of the Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) and its implications for security in Southeast Asia. *Contemporary Southeast Asia* 29(1): 86–108.
- Ibrahim Abu Bakar. 1994. *Islamic Modernism in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim, A. 1993. *The Administration of Islamic law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- International Crisis Group. 2002. *Al-Qaeda in Southeast Asia: The case of the "Ngruki Network" in Indonesia*. ICG Asia Report No. 20.
- Jamalluddin Hashim. 2014. Analisis pengaruh unsur fiqh tempatan dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7(1): 2–19.
- Kamali, M. H. 2008. *Shari'ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Kamali, M.H. 2010. *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohamad Abu Bakar. 2001. Pengaruh luar dan pengislaman dalam negeri: United Kingdom dan Eire dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia. Dalam Mohammad Redzuan Othman (Ed.). *Jendela Masa: Kumpulan esei sempena persaraan Dato' Khoo Kay Kim* (hlm. 407–410). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman. 1998. The role of Makka-Educated Malays in the development of early Islamic scholarship and education in Malaya. *Journal of Islamic Studies* 9(2).
- Mohd Anuar Ramli. 2006. Islamisasi di tanah Melayu: Analisis terhadap proses interaksi antara adat dan syariah Islam. Dalam Hashim Awang (Ed.). *Wacana Budaya*. Kuala Lumpur: APMUM.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam. (2009). *A critical study of Kumpulan Militant Malaysia, its wider connections in the region and the implications of radical Islam for the stability of Southeast Asia* (Tesis PhD). Victoria University of Wellington.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam. 2017. The threat of Daesh in Universities: Malaysia's experience. *A Journal of the International Centre for Political Violence and Terrorism Research* 9(4): 13–16.
- Muhammad Abu Bakar. 1993. Pandangan dunia, ideologi dan keserjanaan: Islam, proses sejarah dan rekonstruksi realiti sosial. Dalam *Tinta Kenangan: Sumbangan Sempena Persaraan dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhammad Haniff Hassan. 2009. Jemaah Islamiyyah ideology: An Overview. Dalam Arnauld De Borchgrave (Ed.). *Conflict, Community and Criminality in Southeast Asia and Australia: Assessments from the field*. Singapore: CSIS Transnational Threats Project.
- Muhammad Kamal Hasan. 2001. *Intellectual Discourse at the end of the Second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO* (hlm. 113–116). Kuala Lumpur: UIAM.
- Muhd Imran Abd Razak. 2017. Salafi Jihad's Version and Coercion to World Peace: An Islamic Educational Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(12): 1–10.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2005. Pemikiran reformasi Melayu semasa: Satu analisis. Dalam Hashim Musa (Ed.). *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: APMUM. (hlm. 332–265)
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2006. Ulamak dan paradigma menangani kebudayaan Melayu. Dalam Hashim Awang, Othman Yatim & Nor Azita Che Din (Pyt.). *Wacana Budaya*. Kuala Lumpur: APMUM. (hlm. 55–80).

Azman Yusof
Universiti Kuala Lumpur MICET
Bandar Vendor Taboh Naning
78000 Alor Gajah, Melaka
E-mel: azmanyusof@unikl.edu.my
Pengarang koresponden

Ibrahim Majdi Mohd kamil
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
E-mel: ibrahimmajdi@usm.my

Amran Muhammad
Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM-MUIP) Malaysia
E-mel: institutilmudarulmakmur@gmail.com

Rahimin Affandi Abdul Rahim
Perbadanan Muzium Negeri Pahang
E-mel: faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Rahimin Affandi Abd Rahim. 2007. Aliran pemikiran Islam moden: Satu kajian perbandingan. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 15: 69–88.

Rahimin Affandi Abd Rahim. 2021. Anti-extremism fiqh as retaliation against terrorism: An introduction. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 115–128.

Said, E. W. 1979. *Orientalism*. New York: Vintage Books.

Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain. 2023. Analisis hukum kanun Pahang dari aspek ciri perlembagaan moden. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 220–233.

Zulkarnain Haron. 2013. A study of the Salafi jihadist doctrine and the interpretation of jihad by Al-Jamaah Al-Islamiyah. *Kemanusiaan* 20(2): 15–37.